



DASAR- DASAR BARU KERAJAAN

SIRI PENGETAHUAN AM



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

DASAR-DASAR BARU KERAJAAN



PUSTAKA PERDANA



1010131



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

- **Dasar Kependudukan**
- **Bersih, Cekap, Amanah**
- **Penerapan Nilai-nilai Islam**
- **Dasar Pertanian Negara**
- **Dasar Pandang Ke Timur**
- **Persyarikatan Malaysia**
- **Penswastaan**
- **Belilah Barang Buatan Malaysia**
- **Dasar Produktiviti**
- **Pelan Induk Perindustrian**
- **Halacara Baru Dalam Pembangunan Kampung dan Luar Bandar**
- **Dasar Urbanisasi Negara**
- **Dasar Pengurangan Beban Perbelanjaan Awam**
- **Dasar Perindustrian Berat**
- **Kepimpinan Melalui Teladan**
- **Sogoshosha Malaysia**



YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Pengenalan

Dalam suasana politik dan pentadbiran negara, tiada suatu nafsu yang boleh diharapkan untuk bertindak. Semuanya terpaksa dirancang, diselidik dan dihalusi terlebih dahulu. Dalam proses inilah Dasar-dasar Negara digubal dan diperkenalkan ke dalam sistem Kerajaan guna membimbing dan menghalakan pembangunan serta pembaharuan.

Dalam saluran media massa, kita mendengar dan menerima berbagai kenyataan, makluman dan penyampaian yang ada sahaja kaitannya dengan hidup kita di negara ini. Berita-berita mengenai kejadian atau peristiwa berfungsi sebagai pelengkap kepada pengetahuan am kita. Dasar-dasar yang diumumkan oleh pemimpin-pemimpin merupakan arah dan haluan yang perlu difahami dan diterima, seterusnya diamalkan oleh setiap anggota masyarakat apatah lagi oleh anggota-anggota parti yang memerintah.

DASAR KEPENDUDUKAN

Manusia merupakan sumber terpenting bagi sebuah negara selain daripada tanah serta lain-lain sumber semulajadi. Oleh yang demikian kita perlu kepada rakyat yang ramai bagi membina sebuah negara yang kuat lagi berdaulat. Dengan kesedaran ini Kerajaan telah mengambil langkah dengan mewujudkan polisi 70 juta penduduk, yang akan dicapai dalam tempoh 115 hingga 120 tahun yang akan datang.

Persoalan yang terpenting dalam perancangan penduduk ini ialah ianya perlu sejajar dengan nilai-nilai dan semangat rajin bekerja, amanah dan disiplin yang kuat. Jika nilai-nilai ini tidak ada, pertambahan penduduk akan hanya melemahkan negara dan mungkin menghancurkannya.



Dasar Kependudukan yang positif akan membolehkan negara mencapai tujuan-tujuan yang telah dirancang. Beberapa negara yang lebih kecil telah membuktikan bahawa bilangan penduduk yang ramai tidak semestinya menjadi beban kepada negara.

Adalah tidak dinafikan sumber alam semulajadi dan tanah yang mencukupi penting untuk menampung pertambahan penduduk. Malaysia masih mempunyai tanah yang mencukupi untuk tujuan ini. Mengikut Bank Dunia, masih terdapat 19 juta ekar kawasan yang subur boleh dimajukan di Malaysia. Potensi bagi memajukan semula sumber laut dan hutan juga amatlah besar.

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION

YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Daripada asas-asas ini pertumbuhan penduduk dan Dasar Kependudukan yang positif tidak akan menjadi beban kepada negara. Asalkan penduduk yang bertambah adalah sejajar dengan semangat dedikasi untuk bekerja lebih kuat dan menghasilkan daya pengeluaran yang tinggi.

Apa yang jelas dengan Dasar Kependudukan ini ialah Kerajaan tidak mahu mengambil sikap sambil lewa terhadap pertumbuhan penduduk dan akan hanya bertindak secara mengejut apabila sahaja timbul sesuatu masalah. Kadang-kala masalah yang timbul telah terlalu lewat dan mencemaskan. Contoh-contoh banyak dapat dilihat di mana negara-negara yang tidak mempunyai dasar yang positif telah mengalami kesulitan dalam mengawal ataupun menambahkan penduduk negara. India dan Bangladesh menghadapi kesulitan penduduk yang terlampau ramai tanpa perkembangan ekonomi yang sejajar. Di negara-negara barat puja, Jerman Barat dan Perancis menghadapi kekurangan penduduk. Berbagai insentif diberikan kepada rakyatnya supaya menambahkan jumlah keluarga tetapi tidak berhasil.

Beberapa pakar kependudukan telah menegaskan bahawa ada baiknya bagi masyarakat di paras pertumbuhan seperti di Malaysia ini melaksanakan Dasar Kependudukan yang positif di masa ini. Bagi Kerajaan, soal penduduk dan merancang Dasar Kependudukan merupakan unsur terpenting dalam perancangan pembangunan negara di semua peringkat.

Dasar Kependudukan negara selain daripada mengawasi pertumbuhan penduduk yang merosot, yang tidak memberi faedah kepada negara berdasarkan jangka masa pariang antara lain:-

- Menyediakan tenaga kerja yang mencukupi untuk pembangunan Negara.
- Meningkatkan daya pengeluaran dan daya pembelian nasional, membolehkan pasaran dalam negeri akan

menjadi lebih luas dan dengan ini membantu negara dalam menggalakkan pertumbuhan industri.

- Menjadikan Malaysia sebuah negara yang kuat dari segi politik dan keselamatan – perbandingan dengan Indonesia, 150 juta rakyat, Filipina dan Thailand 50 juta manakala Malaysia cuma 14 juta.


Malaysia sesungguhnya perlu kepada bilangan penduduk yang lebih ramai, yang mempunyai ciri-ciri semangat rajin bekerja, cekap, amanah dan berdisiplin, bagi membina sebuah negara yang kuat serta teguh.

BERSIH, CEKAP DAN AMANAH

Kerajaan di bawah pucuk pimpinan sekarang telah menjanjikan sebuah pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah. Janji ini dibuat kerana pemerintahan yang bersih, cekap dan amanah membolehkan negara mencapai kemajuan yang pesat, menjamin kebahagiaan rakyat melalui kelincinan pentadbiran yang sudah tentu dapat meningkatkan daya pengeluaran dan seterusnya menjadikan negara ini stabil, kukuh dan kuat.

Setiap orang daripada anggota masyarakat adalah pemimpin dalam setiap peringkat hidup atau unit yang kecil. Sebagai pemimpin ia harus menjadi teladan kepada orang lain. Ia juga harus menepati janji, sentiasa memperbaiki diri sendiri dan tabah menghadapi atau memikul tugas berat yang diamanahkan kepadanya.


Teladan yang baik datangnya dari aspek kebersihan. 'Kebersihan' yang dimaksudkan ialah dari semua segi, sama ada kebersihan moral ataupun fizikal. Kebersihan moral bermakna sentiasa berfikiran bersih dalam apa jua tugas yang dilakukan. Segalanya dilakukan dengan niat yang baik dan murni, tidak menyalahgunakan kuasa, tidak sombong, ang-



kuh ataupun terlibat dalam sebarang jenayah dan rasuah. Selain daripada itu haruslah tertib, sama ada dari segi pakaian, kelakuan, dalam semua suasana, termasuk di tempat-tempat kerja dan di rumah.

'Kecekapan' pula adalah satu perkara yang penting dalam tatacara pekerjaan. Ianya boleh dipertingkatkan melalui latihan sepanjang masa, melalui penyelidikan, pelajaran dan amalan. Semuanya boleh dicapai sekiranya ada ketekunan dan ketabahan dalam menghadapi berbagai cabaran.

'Amanah' adalah satu nilai yang perlu ada pada setiap manusia yang hidup bermasyarakat. Ianya amat berhubung kait dengan soal tanggungjawab dalam menguruskan kerja,



kewangan dan harta-benda Kerajaan dan rakyat. Penyalahgunaan kuasa akan memusnahkan negara dan menampakkan kesan yang buruk kepada masyarakat. Akhirnya hilanglah kepercayaan mereka terhadap Kerajaan dan negara dan sia-sialah kemerdekaan yang telah dicapai, tanpa pengisian yang sempurna.

Sebab itulah Kerajaan memilih dan melaksanakan Dasar Bersih, Cekap dan Amanah (BCA) dalam sistem pemerintahan negara, bersama-sama sifat yang mulia seperti disiplin, ketekunan, rajin, tertib, sopan santun dan berbudi bahasa yang mulia serta mendukung hasrat dan cita-cita murni negara.




PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM PENTADBIRAN NEGARA

Penerapan Nilai-nilai Islam dalam dasar baru Kerajaan adalah memunyai maksud yang murni serta mulia. Tujuan sebenar Kerajaan ialah untuk meningkatkan daya pengeluaran negara melalui sikap yang rajin, tekun, bersih, cekap dan amanah dalam urusan pentadbiran negara.

Dasar ini tidak bermaksud untuk mengislamkan mereka yang bukan Islam. Ini merupakan satu tanggapan yang salah. Ianya juga bukanlah bertujuan untuk mengenakan paksaan terhadap peraturan dan undang-undang Islam kepada masyarakat bukan Islam di negara ini.

Apa yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah untuk menarapkan satu sikap bekerja yang bersungguh-sungguh serta pentadbiran yang cekap dan berkesan demi mempertingkatkan produktiviti.



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION

YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Sebenarnya nilai-nilai Islam bukanlah suatu yang asing. Nilai-nilai Islam itu bersifat baik serta murni, merupakan nilai sejagat dan tidak bertentangan atau bercanggah dengan nilai atau norma mana-mana bangsa atau agama di dunia ini. Sebab sememangnya masyarakat manusia ini mempunyai nilai-nilai persamaan. Contohnya amanah, rajin, bersih, bencikan rasuah, semuanya merupakan ciri-ciri bersama manusia yang mulia serta suci.

Islam bukanlah agama paksaan, apatah lagi kepada bukan penganutnya. Kerajaan sama sekali tidak bertujuan melaksanakan peraturan Islam kepada penganut lain-lain agama, kerana ini akan menimbulkan berbagai-bagai isu lain yang tidak diingini.



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION

YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Sungguhpun Islam sebagai agama rasmi, ia hanya tidak menyekat kebebasan menganut mana-mana agama. Negara kita Malaysia mengamalkan dasar kebebasan beragama kepada rakyatnya sebagaimana termaktub di dalam perlembagaan. Agama rasmi adalah berbeza dengan agama negara. Agama negara adalah agama yang wujud dalam sesebuah negara serta hampir keseluruhan penduduknya menganut agama tersebut. Maka lain-lain agama tidak dapat berkembang, atau lebih mudah dikatakan tiada kebebasan menganut lain-lain agama.

Perlembagaan Persekutuan Bahagian dua (2) Perkara 11 dan 12 telah menjamin hak kebebasan beragama:-

- 11(1) Tiap-tiap orang adalah berhak menganut dan mengamalkan agamanya dan tertakluk kepada Fasal 4, mengembangkan agamanya.
- (2) Tiada sesiapa pun yang boleh dipaksa membayar apa-apa cukai jika pendapatan dari cukai itu adalah diuntukkan khas sama ada kesemuanya atau sebahagiannya bagi maksud sesuatu agama yang lain daripada agamanya sendiri.
- (3) Tiap-tiap kumpulan agama adalah berhak:-
 - a. menguruskan hal-ehwal agamanya sendiri;
 - b. menubuh dan menyenggara yayasan-yayasan bagi maksud-maksud agama atau khairat, dan;
 - c. memperolehi dan mempunyai harta serta memegang serta mentadbirkannya mengikut undang-undang.
- (4) Undang-undang Negeri boleh mengawal atau menyekat perkembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan agama antara orang-orang yang menganuti agama Islam.
- (5) Perkara ini tidaklah membenarkan apa-apa perbuatan yang berlawanan dengan undang-undang am

mengenai ketenteraman awam, kesihatan awam atau akhlak.

- 12(1) Dengan tidak menyentuh keluasan makna perkara 8, tidaklah boleh ada perbezaan terhadap mana-mana jua warganegara semata-mata oleh sebab agama, kaum, keturunan atau tempat lahir.
- (2) Tiap-tiap kumpulan agama adalah berhak menubuh dan menyenggara yayasan-yayasan untuk pelajaran kanak-kanak serta mengadakan di dalamnya ajaran-ajaran mengenai agama kumpulan itu sendiri, dan tidaklah boleh ada perbezaan semata-mata oleh sebab agama dalam mana-mana undang-undang yang berkenaan dengan yayasan itu atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang yang berkenaan dengan yayasan itu atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang itu; tetapi undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri boleh mengadakan bantuan kewangan khas untuk menubuh atau menyenggara yayasan-yayasan Islam bagi orang-orang yang menganuti agama Islam.
- (3) Tiada siapa pun boleh diwajibkan menerima ajaran-ajaran mengenai apa-apa agama atau mengambil bahagian dalam apa-apa upacara atau sembahyang sesuatu agama yang lain daripada agamanya sendiri.
- (4) Bagi maksud Fasal 3, agama bagi seseorang yang berumur kurang daripada 18 tahun adalah ditetap oleh ibu bapa atau penjaganya.

Dari keterangan di atas adalah jelas bahawa hak individu beragama adalah dilindungi oleh Perlembagaan. Tiada apa-apa yang perlu dibimbangkan dalam dasar Kerajaan ini.

Sebagai agama rasmi yang dianuti oleh sebilangan besar penduduk negara ini, maka Kerajaan tidaklah salah melaksanakan sesuatu yang baik untuk rakyatnya. Tambahan pula Islam adalah Addin atau agama yang lengkap sebagai satu cara hidup dalam semua bidang, sama ada dalam bidang ekonomi, sosial atau politik.

Secara ringkasnya Kerajaan menerapkan nilai-nilai Islam adalah untuk membentuk satu Budaya Kerja dalam masyarakat, masyarakat yang bekerja dengan rajin, tekun, amanah, bertanggungjawab, tidak menipu, tidak menindas, tidak rasuah – ini semua nilai-nilai Islam yang sebenarnya dan tidak bercanggah dengan nilai budaya masyarakat bukan Islam di Malaysia. Sekiranya kita semua telah mengamalkan maka bukanlah perkara baru atau asing buat kita menerapkan nilai-nilai tersebut. Kerana Islam itu adalah berasal daripada perkataan SLIM yang bererti – aman, sejahtera, suci, taat-setia dan patuh kepada Tuhan.

DASAR PERTANIAN NEGARA

Dasar Pertanian Negara atau 'DPN' merupakan satu dasar jangka panjang Kerajaan yang merangkumi garis panduan untuk pembangunan pertanian sehingga tahun 2000. Dasar ini dibentuk bertujuan meningkatkan pendapatan petani melalui peningkatan penghasilan keluaran pertanian. Sama ada ia hasil tanaman untuk eksport ataupun hasil tanaman untuk makanan dan juga diproseskan untuk bahan makanan, minuman atau makanan ternakan.

Atas usaha tersebut, Kerajaan merayu semua para petani mengubah sikap dan berusaha dengan gigih, tekun dan sentiasa berusaha menambahkan pengeluaran hasil. Kerajaan telah menyediakan berbagai-bagai kemudahan kepada para petani melalui Koperasi Peladang untuk memajukan tanah masing-masing dengan cara yang lebih sempurna serta maju.



FERDIANA
LEADERSHIP
FOUNDATION

LEADER
IN
LEADERSHIP



PARDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION

KEMERINING
PERDARA


Kerajaan juga menggalakkan usaha memajukan tanah secara berkelompok melalui program bersepada. Tujuan Kerajaan bukanlah untuk merampas tanah para petani sekali-an tetapi sebenarnya usaha secara berkelompok ini boleh mendarangkan hasil dan kekayaan yang lebih kepada para petani sendiri, berbanding dengan usaha secara persendirian.

Melalui tanaman secara berkelompok, petani-petani dia-min tidak akan kehilangan hak atas tanah tersebut, malah haknya itu masih kekal dan masih mengikut geran yang dimiliki serta boleh difaraidkan.

Setiap tuan tanah diberi pendapatan mengikut keluasan tanah yang dimilikinya di samping upah yang diberikan sekiranya petani bekerja di rancangan berkelompok berkenaan. Tanaman yang teratur dan penggunaan jentera ladang dapat dilaksanakan dengan berkesan, dan memberi manfaat. Ia akan dapat menjamin hasil yang lebih baik dan bermutu tinggi. Secara tidak langsung para petani sendirilah yang mendapat untung dan Kerajaan akan berbangga dengan penyertaan rakyatnya, menyumbang bakti demi meningkatkan daya pengeluaran negara.

Selain daripada terlibat dalam usaha-usaha pemasaran hasil, para petani juga terlibat dalam mengusahakan ternakan seperti ternakan lembu, kambing, ayam dan itik secara berkelompok sebagai usaha menambah pendapatan.

Bagi kaum ibu dan bapa yang berminat dalam usaha-usaha kerjatangan, pihak Kementerian Pembangunan dan Luar Bandar melalui Karyaneka sentiasa berusaha melatih, membeli dan seterusnya memasarkan hasil kerjatangan mereka ke luar negeri. Pendapatan yang perolehi amat lumayan. Ke-sanggupan penduduk desa menghadapi cabaran serta mahu bekerja kuat, rajin berdisiplin dan amanah dalam menuaikan tanggungjawab terhadap keluarga, bangsa dan negara ini bolehlah dibanggakan.



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Kepada mereka yang berusaha dengan gigih seperti inilah terletak jaminan kejayaan sebagaimana telah dijanjikan oleh Tuhan, bahawa 'sesuatu bangsa atau kumpulan tidak akan berubah nasibnya sekira mereka sendiri tidak mahu mengubahnya'.

DASAR PANDANG KE TIMUR

Dasar ini bermakna mengambil negara-negara Timur yang pesat maju sebagai contoh dalam usaha membangunkan Malaysia. Perkara-perkara yang harus ditumpukan ialah kerajinan dan disiplin bekerja, kesetiaan kepada negara dan perusahaan atau perniagaan di mana pekerja bekerja dengan keutamaan kepada konsep kumpulan, bukan diri sendiri. Penekanan diberi ke arah pencapaian daya pengeluaran yang lebih tinggi tanpa mengabaikan mutunya, peningkatan kecekapan, pengurangan jurang perbezaan yang menjadi pemisah antara pihak eksekutif dan pekerja, dengan sistem pengurusan yang menitikberatkan kejayaan jangka masa panjang dan tidak semata-mata mengharapkan peningkatan dividen atau pendapatan kakitangan dalam jangka masa pendek.



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION

YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Pandang ke Timur tidak bermakna meminta-minta dari orang timur, atau memindah tanggungjawab terhadap kemajuan Malaysia kepada negara-negara timur. Tanggungjawab terhadap negara kita adalah tanggungjawab kita dan bukan sesiapa yang lain. Juga konsep Pandang ke Timur ini tidaklah bermakna membeli semua barang atau memberi semua kontrak kepada syarikat-syarikat negara timur melainkan sekiranya tawaran mereka adalah baik.



PERSYARIKATAN MALAYSIA

Persyarikatan Malaysia bermakna menganggap Malaysia sebagai sebuah syarikat yang mana Kerajaan dan swasta menjadi pemilik bersama. Dalam sebuah syarikat tentulah semua pemilik/pekerja dikehendaki bekerja bersama untuk menjayakan syarikat. Hanya jika syarikat berjaya baharulah nasib pemilik dan pekerja terpelihara dan menjadi bertambah baik.

Jika Malaysia dianggap sebagai sebuah syarikat maka penduduknya, sama ada kakitangan Kerajaan atau swasta adalah pemilik dan pekerja dalam 'Syarikat Malaysia'. Kejayaan Syarikat Malaysia tentulah bergantung kepada usaha dan kerjasama semua pihak, sama ada daripada pihak Kerajaan ataupun swasta.



Negara menjadi maju dan kaya kerana kemajuan perniagaan dan perusahaan yang terdapat di negara itu sendiri. Kerajaan membantu semua perbelanjaan, termasuk gaji kakitangan, dari cukai dan hasil yang dikutip dari kegiatan dan keuntungan perniagaan dan perusahaan swasta. Lebih maju dan berjaya pihak swasta, dan lebih banyak pula perniagaan serta perusahaan mereka, maka lebih banyaklah hasil dan cukai yang dipungut oleh Kerajaan.

Oleh kerana banyak pengurusan perniagaan memerlukan khidmat daripada Kerajaan, maka khidmat yang diberikan oleh pegawai dan kakitangan Kerajaan tentulah memainkan peranan yang penting bagi menentukan kejayaan semua perniagaan dalam negara. Lebih cekap dan lebih segera khidmat Kerajaan maka lebih besarlah kemungkinan syarikat-syarikat mendapat keuntungan. Lebih banyak keuntungan maka lebih banyaklah cukai yang didapati oleh pihak Kerajaan.

Di samping itu, perniagaan yang maju akan membawa lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan sampingan. Mereka yang mendapat peluang-peluang ini pula akan membelanjakan pendapatan mereka, menyebabkan peningkatan kegiatan berbagai-bagai aktiviti ekonomi negara. Dan sebahagian daripada barang-barang yang akan dibeli itu akan dikenakan cukai. Maka sekali lagi Kerajaan akan mendapat cukai untuk perbelanjaan pengurusan dan pembangunan negara.

Sebaliknya jika khidmat yang buruk diberi oleh Kerajaan, kebanyakan perniagaan akan rugi atau tidak mendapat keuntungan yang sepatutnya, atau terpaksa menaikkan harga untuk menampung pengurusan. Dalam keadaan ini bukan sahaja kerajaan tidak dapat memungut cukai yang banyak, tetapi sara hidup juga akan meningkat dengan bermacam-macam akibat yang buruk.

Tentulah jelas bahawa khidmat yang baik, yang diberi oleh kakitangan Kerajaan akan membawa kebaikan kepada mereka sendiri, di samping membawa kemajuan dan kemakmuran kepada negara. Dari ini dapatlah ditakrifkan Persyarikatan Malaysia sebagai konsep kerjasama Kerajaan dan swasta supaya pihak swasta akan berjaya dan memberi lebih banyak sumbangan kepada pembangunan negara.

PENSWASTAAN

'Privatisation' mempunyai makna yang bertentangan dengan 'nationalisation'. Jika 'nationalisation' bertujuan memiliki negara perusahaan-perusahaan yang dimiliki oleh swasta, 'Privatisation' bermakna memindah perkhidmatan dan perusahaan Kerajaan kepada swasta.

Biasanya syarikat dan perkhidmatan yang dimiliki dan diuruskan oleh Kerajaan kurang berjaya atau terus rugi. Ini adalah kerana cara pengurusan Kerajaan amat berbeza dari pengurusan swasta.

Sebaliknya perniagaan dan perusahaan swasta lebih kerap membawa keuntungan daripada kerugian. Setiap syarikat swasta yang mendapat keuntungan akan dikehendaki membayar cukai sebanyak 40–50% daripada jumlah keuntungan tersebut. Dan jika apa yang diusahakan oleh pihak Kerajaan dipindahkan kepada pihak swasta, Kerajaan tidaklah akan kehilangan punca pendapatan kerana 40–50% keuntungan pihak swasta akan tetap diterimanya. Ini adalah lebih baik daripada Kerajaan memiliki perniagaan dan perusahaan yang rugi sepanjang masa dan menjadi beban, bukan sahaja kepada Kerajaan, bahkan secara tidak langsung kepada rakyat.

Biasanya Kerajaan menguruskan beberapa perkhidmatan tertentu. Di Malaysia meliputi perkhidmatan pos dan telekom, radio dan televisyen, keretapi, syarikat-syarikat penerbangan



Perkhidmatan Kontena Pelabuhan Kelang ialah antara yang telah diswastakan.

dan perkapalan, lapangan terbang, hospital dan klinik, pelabuhan, institusi-institusi pelajaran, jalan raya dan lain-lain perkhidmatan awam. Selain daripada ini Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri telah memasuki secara langsung dalam berbagai jenis perniagaan dan perusahaan sama ada secara monopoli atau sebagai pemegang saham. 'Trend' ke arah penglibatan Kerajaan dalam perniagaan biasa telah meningkat sehingga Kerajaan sering bersaing dengan pihak swasta. Oleh kerana Kerajaan berkuasa, maka Kerajaan dengan mudahnya dapat mengalahkan perniagaan dan perusahaan milik swasta. Dan oleh kerana perniagaan Kerajaan klap rugi, bukan sahaja Kerajaan tidak mendapat apa-apa pendapatan, tetapi kehilangan cukai-cukai yang biasa dikutip dari pada perniagaan yang maju.

Dari perkhidmatan seperti telekom, pelabuhan, radio dan televisyen, keretapi dan lain-lain, Kerajaan mungkin


pat hasil yang tinggi. Tetapi sekiranya perkhidmatan-perkhidmatan ini diuruskan oleh pihak swasta, Kerajaan masih boleh mendapat cukai serta lain-lain bayaran. Dan jika perkhidmatan-perkhidmatan ini lebih maju kerana pengurusan secara perdagangan, kemungkinan Kerajaan akan memperolehi pendapatan yang lebih tinggi adalah besar.

Memandang kepada kemungkinan inilah maka beberapa perkhidmatan awam serta perniagaan milik Kerajaan harus dipindahkan kepada pihak swasta. Pemindahan milik kepada pihak swasta inilah yang disebut 'privatisation'. Proses 'privatisation' boleh dibuat secara beransur-ansur setelah kajian teliti dibuat. Sebarang perubahan tetap akan membawa kepada keadaan kelam-kabut dan keliru buat sementara waktu. Tetapi jika 'privatisation' dilakukan dengan berhati-hati, maka keadaan keliru ini tidak akan berpanjangan.

BELILAH BARANGAN BUATAN MALAYSIA

Tidak dapat dinafikan bahawa sejak mencapai kemerdekaan, pelbagai rancangan telah dijalankan untuk memusatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara. Dan rancangan-rancangan yang telah dilaksanakan itu kini menampakkan kejayaan, sehingga Malaysia sudah mampu menjadi pengeluar barang-barang keperluan rakyatnya sendiri, malah untuk dieksport juga.

Industri-industri dalam negeri kini juga telah mampu mengeluarkan barang-barang yang dahulunya terpaksa diimport dari negara-negara industri yang lebih matang. Dengan itu kita telah dapat menyelamatkan pertukaran wang, menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang teguh serta mampu berdikari. Dan untuk terus berjaya keluaran barang-barang tempatan perlulah mendapat sokongan daripada pembeli-pembeli dalam negeri. Penduduk tempatan perlu mengubah sikap, memberi sokongan sepenuhnya kepada dayausaha pihak Kerajaan kita ini dan berhenti mengagung-agung barangan luar negeri.



Sikap yang seumpama itu adalah tidak baik kerana ia akan hanya menjadi penghalang kepada perkembangan hidup seharian kita. Keadaan ini lebih mendesak jadinya kerana pada masa ini barang-barang keluaran dalam negeri masih lagi bergantung kepada pasaran tempatan. Apa yang lebih malang lagi ialah sikap mendewa-dewakan barang luar negeri telah tertanam di sanubari masyarakat tempatan, sehingga timbul kepercayaan bahawa barang 'import' adalah lebih baik, lebih 'standard' serta mempunyai 'status' yang lebih tinggi. Kepercayaan yang tidak tepat ini membuat pengguna-pengguna barang import berbelanja lebih.

Barang-barang tempatan sekarang mempunyai mutu yang tinggi, juga mampu memenuhi keperluan 'social status' serta mampu bersaing dengan barang-barang yang diimport. Malahan harga yang ditawarkan jauh lebih murah. Di samping itu barang-barang keluaran dalam negeri dibuat sesuai dengan hawa negara ini, membuatkannya lebih tahan lama.

Selama ini masyarakat Jepun selalu berbangga kerana mereka membeli barang-barang 'Made in Japan'. Begitu juga dengan masyarakat Inggeris dengan barangan 'Made in England' mereka. Kedua-dua bangsa ini merupakan penghu-




ni dua buah negara yang telah maju. Kita juga sebagai rakyat Malaysia perlu mempunyai sikap nasionalis serta turut berbangga dengan cara hidup kita dengan membeli barang-barang 'Made in Malaysia'.





PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KÉPIMPINAN
PERDANA

Belilah
Barangan
Buatan
Malaysia



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

DASAR PRODUKTIVITI

Daya Pengeluaran merupakan satu usaha ke arah peningkatan kemampuan bekerja secara teratur dan bermutu tinggi. Oleh itu setiap pekerja tidak kira dalam apa bidang sekalipun haruslah bekerja dengan tekun, rajin, berdisiplin serta bertanggungjawab.

Kita rakyat Malaysia tidaklah kurang dari beberapa aspek tersebut, cuma yang perlu bagi kita ialah menambahkan ilmu pengetahuan sepanjang masa. Di samping itu hendaklah pula kita patuh kepada pemimpin, taat setia dan bekerja rapat sebagai satu kumpulan tanpa mementingkan diri sendiri semata-mata.

Setiap orang daripada kita semua mempunyai kebolehan yang tersendiri dan jika diberi galakan, panduan serta mendapat pimpinan yang sempurna, boleh mencapai keupayaan kerja yang tinggi serta dapat menghasilkan suatu barang yang bermutu pula.

Daya Pengeluaran bukanlah bermakna semata-mata menambahkan pengeluaran atau produktiviti, tetapi merangku-mi aspek peranan serta kerjasama yang dimainkan oleh pihak Kerajaan dan Swasta. Juga peranan pihak pekerja dengan majikan, berganding bahu dalam mengatasi masalah yang berhubung dengan soal kemelesetan ekonomi dan mengurangkan kadar inflasi. Jelasnya, melalui konsep Daya Pengeluaran para pekerja perlu mengenalpasti tugas dan peranan masing-masing terhadap negara. Setiap orang daripada kita perlu mengubah sikap terhadap kerja ke arah yang lebih positif, serta menunjukkan cara kerja yang penuh bererti dan bersungguh-sungguh.

Setiap pekerjaan itu perlulah terlebih dahulu dirancang dan diteliti sebelum ianya dilaksanakan. Kerja yang dirancang akan membawa hasil yang baik, bermutu dan menjimat-

kan perbelanjaan. Elakkan daripada pembaziran, sama ada pembaziran waktu atau wang. Dan semasa bekerja kita tidak seharusnya berbual-bual kosong, membuang masa dan mengganggu rakan-rakan kita yang lain.

Daya Pengeluaran melibatkan tiga perkara penting, iaitu perbelanjaan, sikap pekerja serta teknik pengeluaran yang digunakan. Kesemuanya saling berkait dari perlu dikaji dengan mendalam secara bersama. Di sinilah letaknya peranan setiap pekerja. Yang pentingnya Daya Pengeluaran Negara perlu dipertingkatkan melalui penggunaan sumber-sumber ekonomi negara secara optima, supaya layak bersaing di pasaran dunia.

Secara kasar pendekatan yang digunakan meliputi usaha-usaha pemberian sistem organisasi, penggunaan teknologi yang sesuai, penerapan nilai-nilai baru (dengan slogan Kepimpinan Melalui Teladan, Bersih, Cekap, Amanah dan



Penerapan Nilai-nilai Islam) serta penggubalan dasar-dasar baru (Pandang ke Timur, Dasar Perindustrian Berat, Pen-swastaan, Persyarikatan Malaysia, Sogoshosha, Pertanian Negara).



Salah satu kaedah yang penting ialah Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (QCC). Melalui kaedah ini setiap individu bebas mengeluarkan pendapat untuk memperbaiki penghasilan ataupun keadaan tempat kerja serta perlu mengorbankan keperluan peribadi dan lebih mengutamakan kumpulan. Sikap yang positif terhadap kerja dan penghidupan amat perlu, di samping bersedia untuk menerima sebarang pembaharuan. Langkah-langkah ini akan menghasilkan pentadbiran yang lebih berkesan, mewujudkan satu rupa bangsa yang berjaya, setanding dengan bangsa-bangsa lain yang maju di dunia ini.

Adalah diharapkan agar setiap orang daripada kita semua bersatu menyumbangkan tenaga ke arah membina sebuah negara Malaysia yang maju jaya, aman dan sejahtera, sebagai bekalan di hari muka dan generasi kita yang akan datang, melalui peningkatan daya pengeluaran (produkiviti).

PELAN INDUK PERINDUSTRIAN

Digubal untuk mengatasi beberapa kelemahan dalam strategi perindustrian tahun 70-an yang dapat dikesan. Ianya menggariskan sektor-sektor yang khusus dan akan diberi keutamaan untuk dimaju dan diperluaskan dari sekarang sehingga tahun 1995. Satu sistem baru bagi mempercepatkan proses perindustrian akan turut diperkenalkan.

Matlamat Pelan Induk Perindustrian ini sebenarnya meliputi dayausaha:—

- a. Merangka secara terperinci kegiatan sektor perindustrian dan sektor industri kecil untuk menghasilkan penggunaan sumber secara optimum;
- b. Menyediakan profil industri yang sesuai seperti keluasan pasaran, dan keupayaan yang sedia ada serta kedudukan permintaan dan penawaran berbagai jenis barang;
- c. Menyatukan industri yang sedia ada dengan kegiatan mengeluarkan bahan mentah (upstream activity) dan kegiatan memproses bahan (downstream activity), dan;
- d. Merangka keperluan teknologi sektor dengan lengkapkan program menyeluruh.


Industri-industri yang telah dikenalpasti sebagai mempunyai potensi yang luas dan patut diberi galakan ialah:—

- a. Barang getah
- b. Barang kelapa sawit
- c. Pemerosesan makanan
- d. Keluaran berasaskan kayu balak
- e. Kimia dan petrokimia
- f. Barang keluaran logam bukan besi
- g. Keluaran galian bukan logam
- h. Elektronik dan elektrik



YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

- i. Peralatan pengangkutan
- j. Keluaran kejuruteraan dan mesin
- k. Keluaran berasaskan logam, besi dan keluli, serta
- l. Tekstil dan pakaian.



Untuk melaksanakan matlamat pelan ini beberapa strategi telah dirangkakan, iaitu:—

- a. Menyusun semula struktur galakan perindustrian yang ada.
- b. Mempelbagaikan eksport dan menggalakkan sektor gantian import.
- c. Memajukan semula industri gantian import peringkat pertama, seperti barang pengguna tahan lama serta industri gantian import peringkat kedua, misalnya alat perhubungan.
- d. Menggalakkan pengguna-pengguna di Malaysia menggunakan lebih banyak barang buatan Malaysia.
- e. Mempelbagaikan pasaran eksport termasuk mencari pasaran baru di negara-negara sosialis dan negara-negara sedang membangun yang lain.



- f. Memperluaskan kegiatan industri ke kawasan-kawasan kurang maju.
- g. Menggalakkan penyelidikan dan pembangunan oleh pihak awam dan swasta.
- h. Menggalakkan industri berat supaya menjadi penggerak kepada perkembangan industri baru, dan
- i. Menggalakkan pertumbuhan perusahaan kecil.

Pelan Induk Perindustrian memberi perhatian khusus pada industri berat dan inisiatifnya harus dipelopori oleh usahawan-usahawan Malaysia sendiri dan tidak di Ibu Pejabat Perbadanan Antarabangsa di luar negeri. Penambahan kepada faktor kemahiran dan teknologi juga diperlukan untuk mempastikan pertumbuhan yang dinamik dalam pasaran yang kompetitif.

HALACARA BARU DALAM PEMBANGUNAN KAMPUNG DAN LUAR BANDAR

Semasa membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat di Parlimen, YAB Perdana Menteri menekankan bahawa Kerajaan akan terus berusaha sedaya upaya bagi memperbaiki keadaan hidup penduduk-penduduk luar bandar, dan Halacara baru ini merupakan 'a concerted effort' oleh pihak Kerajaan dalam kesungguhannya berusaha bagi memperbaiki kehidupan masyarakat luar bandar.

Dasar ini adalah bertujuan untuk meningkatkan mutu dan daya pengeluaran pertanian, meninggikan pendapatan petani dan pekerja di desa dan memudahkan penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan serta lain-lain prasarana. Dengan lain perkataan matlamat utamanya ialah untuk mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan para penduduk luar bandar, dengan memupuk semangat rajin berusaha, saling bekerjasama serta menimbulkan sifat-sifat jayadiri di kalangan mereka.



Halacara baru ini melibatkan tiga aspek, meliputi:—

- a. Kemajuan pertanian dengan mengadakan cara pengurusan perladangan bagi kebun-kebun kecil dan bendang-bendang.
- b. Pengwujudan industri kampung dan perusahaan kecil atau lain-lain kegiatan ekonomi bukan pertanian.
- c. Pengelompokan dan penyusunan semula kampung-kampung secara teratur untuk membabitkan pusat-pusat pertumbuhan baru.

Strategi pelaksanaannya melibatkan usaha-usaha untuk mengadakan program pertanian berkelompok serta pengumpulan kampung-kampung yang berdekatan untuk dijadikan bandar kecil. Pesawah-pesawah akan berupaya mencantumkan tanah masing-masing yang sebelah menyebelah untuk dijadikan estet-estet padi, di bawah kelolaan koperasi. Jentera-jentera akan disalurkan kepada koperasi tersebut, petani diberi saham mengikut saiz tanah, dan akan ditempatkan semula dalam satu kawasan yang sesuai dalam estet itu, menjadikannya sebuah bandar baru yang tertib.



Bandar-bandar ini akan dibekalkan dengan kemudahan air, elektrik dan lain-lain kemudahan asas yang meliputi kedai-kedai, klinik dan banyak lagi. Industri kecil yang sesuai dengan sumber alam tempatan juga akan dikenalpasti dan didirikan. Adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya Halacara baru ini akan dapat mencapai matlamat pengurangan masalah kemiskinan yang masih menghimpit kehidupan para penduduk luar bandar. Menerusi pendekatan baru ini penduduk-penduduk desa bukan sahaja dapat menikmati perkhidmatan-perkhidmatan serta kemudahan-kemudahan moden, tetapi juga berpeluang mengubah kedudukan ekonomi keluarga sendiri.

Dan kejayaan Halacara baru ini banyak bergantung kepada kerjasama yang erat antara agensi-agensi Kerajaan dengan penduduk-penduduk yang terlibat. Sama-sama kita memupuk semangat yang murni ini agar akhirnya kita sama-sama dapat merasakan kenikmatannya.

DASAR URBANISASI NEGARA

Kerajaan percaya bahawa proses urbanisasi yang terancang akan menjadi strategi penting dalam usaha pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru di samping memupuk perseimbangan ekonomi di antara bandar dan luar bandar, supaya faedah daripada pembangunan ekonomi dan perkhidmatan asas perbandaran dapat diagih secara meluas serta saksama di seluruh negara. Sehubungan dengan ini pembentukan Dasar Urbanisasi akan dapat mewujudkan pembangunan pusat-pusat bandar yang lebih teratur, dalam satu rangkaian pusat-pusat bandar yang lebih padat dan meliputi bandar-bandar yang berbeza dari segi saiz dan peranan masing-masing.

Rangkaian perhubungan antara bandar dan luar bandar yang lebih berkesan bukan sahaja membolehkan lebih ramai isi rumah luar bandar menyertai kegiatan-kegiatan berasaskan bandar yang beroleh daya pengeluaran yang lebih tinggi



tetapi juga dapat mempercepatkan proses pemodenan kawasan-kawasan luar bandar.

Proses urbanisasi ini sebenarnya berkait rapat dengan usaha-usaha pembangunan negara. Strategi-strateginya yang sedia ada dan yang akan diadakan selaras dengan usaha pembentukan sebuah dasar yang komprehensif amatlah penting bagi menjamin pencapaian matlamat pembangunan negara secara keseluruhannya. Hasrat kerajaan ialah untuk mempastikan supaya proses urbanisasi, corak dan tahap pembangunan bandar yang akan dicapai kelak akan membantu pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru secara lebih berkesan lagi.

DASAR PENGURANGAN BEBAN PERBELANJAAN AWAM

Pengurangan perbelanjaan awam merupakan satu langkah yang mesti diambil memandangkan kedudukan ekonomi negara yang lembab akibat kemelesetan yang melanda dunia. Dasar-dasar awam yang digubalkan sewajarnyalah tertumpu ke arah pengukuhan asas-asas ekonomi di samping mengawal kadar inflasi serta memperbaiki kedudukan imbalan pembayaran negara kita. Lantaran itu Dasar Pengurangan Beban Perbelanjaan Awam ini dirangka untuk tujuan:—

- a. Mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan selaras dengan sumber-sumber yang ada;
- b. Mengurangkan defisit belanjawan Kerajaan ke tahap yang selaras dengan pengurusan ekonomi yang berhati-hati, dan



Salah satu cara mengurangkan beban perdagangan awam ialah dengan menutup beberapa kegiatan seperti Tol Lencungan Selat Kelang Utara.

- c. Mengawal pertumbuhan hutang awam supaya tidak menjelaskan kedudukan imbalan pembayaran negara dan kadar pertukaran wang asing.

Bagi melaksanakan dasar ini Kerajaan telah mengkaji semula skop, kekesanan serta faedah-faedah perbelanjaan sektor awam, meliputi bukan sahaja perbelanjaan Kerajaan Persekutuan malah juga Badan-badan Berkanun dan Perbadanan-perbadanan Awam yang di bawah kawalan Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Agensi-agensi diharap dapat mengkaji balik keperluan mereka, keutamaan serta faedah-faedah program yang dilaksanakan, selaras dengan kedudukan kewangan yang terhad, terutamanya projek-projek pembangunan yang melibatkan kandungan import yang tinggi. Hanya projek-projek yang dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru akan dilaksanakan seterusnya.

Lanjutan daripada strategi di atas jugalah Kerajaan terpaksa membekukan dahulu pengisian jawatan-jawatan kosong serta pengambilan kakitangan baru. Jawatan-jawatan awam yang sedia ada juga akan dikaji semula bagi memastikan tidak ada jawatan-jawatan yang bertindihan dari sudut kerja.

Satu lagi langkah yang telah diambil ialah pengawalan ke atas agensi-agensi di luar belanjawan memandangkan agensi-agensi tersebut mempunyai pengaruh besar terhadap kewangan Kerajaan. Selain daripada itu langkah-langkah juga diambil ke arah usaha memperkemaskan operasi perkhidmatan awam. Ini termasuklah usaha-usaha untuk meningkatkan kekesanan sistem pengawalan perbelanjaan yang ada, iaitu sistem Belanjawan Program Prestasi serta pengenalan kepada sistem-sistem baru seperti 'micro-accounting'.

Akhir sekali Kerajaan telah mengambil tindakan men-swastakan beberapa kegiatan Kerajaan di bawah Dasar Penswastaan.

DASAR PERINDUSTRIAN BERAT


Perindustrian berat bermakna corak perindustrian yang memerlukan modal yang besar, teknologi yang tinggi serta menggunakan tenaga pekerja mahir dan ramai. Ia mempunyai potensi jangka panjang dalam proses rancangan perindustrian negara kerana ia merupakan satu langkah ke arah pembentukan sebuah ekonomi yang lebih kukuh, melalui dasar memperluas dan mengukuhkan asas serta struktur perkilangan.

Selama ini Kerajaan merupakan pelabur yang terbesar, sementara sektor swasta kurang memainkan peranan dan pelaburannya adalah terlalu lembab. Sektor ini tidak dinamik dan bertindakbalas lebih kepada galakan serta perlindungan tanpa memberi perhatian kepada bidang baru atau berbelanja untuk tujuan penyelidikan serta pembangunan. Sebaliknya sektor ini lebih memandang ke dalam dan polisinya ditujukan ke arah barang gantian import serta kepada galakan perlindungan tanpa memikirkan persaingan dalam pasaran dunia.

Oleh itu Dasar Perindustrian Berat diharap dapat mengubah keadaan ini agar sektor swasta dapat meningkatkan pelaburan mereka dan mengambil bahagian cergas dalam pembangunan ekonomi, melalui program perindustrian berat yang lebih 'sophisticated' yang seterusnya akan mewujudkan industri-industri sokongan yang berkemampuan untuk bersaing dalam pasaran dunia.

Bagi tujuan untuk melaksanakan aktiviti perindustrian berat, Kerajaan telah menubuhkan Perbadanan Industri Berat Malaysia (HICOM). Peranan Hicom adalah untuk mengenali pasti, memulakan, melaksana serta menguruskan projek-projek dalam bidang industri berat yang dimaksudkan. Berikut daripada ini beberapa projek tajaan Kerajaan dengan usahasama pelabur asing telah pun dilaksanakan. Ini termasuklah loji simen, besi panas dan pancang keluli, projek

kereta nasional, loji enjin kecil, palpa dan kertas serta kompleks kejuruteraan.




Kesemua projek-projek ini memerlukan bahan-bahan atau komponen-komponen tertentu. Di sini timbulah peranan yang patut dimainkan oleh industri-industri sokongan dan kecil untuk membekalkan bahan-bahan tersebut. Dengan itu pelaksanaan program industri berat itu sendiri dan meningkatkan keupayaan industri sokongan atau mewujudkan industri-industri baru. Di sini pelabur-pelabur tempatan (swasta) haruslah memainkan peranan aktif bagi mewujudkan 'secondary industries' yang berasaskan 'high technology' dan berkeupayaan mempercepatkan pertumbuhan industri pertengahan dan sederhana. Dengan tidak secara langsung ia akan mewujudkan industri gantian import pusingan kedua serta 'resource-based industries' untuk eksport.

Oleh kerana industri berat memerlukan teknologi yang 'sophisticated' dan kemahiran yang tinggi di mana ia menjadi masalah di Malaysia, dasar ini memerlukan pengimporan kedua-dua sumber itu secara mengadakan usahasama dengan para pelabur asing. Dan para pelabur ini dimestikan menyedia kerjasama dan bantuan dalam melatih pekerja, pengendalian, serta pengurusan projek. Hal ini penting demi menentukan pemindahan teknologi berjalan dengan berkesan dan segala projek mencapai kejayaan.

Perancangan gunatenaga mestilah menekankan soal latihan, latihan semula (retraining) dan meningkatkan kemahiran lebih daripada kelayakan akademik. Ini akan mewujudkan suasana kerja yang baik serta jaminan pekerjaan bagi membangunkan tenaga pekerja industri yang dedikasi dan lebih produktif. Buat beberapa ketika pergantungan kepada teknologi asing tidak dapat dielakkan, tetapi dengan penyuluhan cara pemindahan teknologi yang teratur, ia dapat dikurangkan sedikit demi sedikit sehingga akhirnya negara kita dapat mewujudkan teknologinya yang tersendiri.

KEPIMPINAN MELALUI TELADAN

Tujuan utama kempen ini ialah untuk menaman dan memupuk ciri-ciri kepimpinan yang berkesan bagi dicontohi, dihayati dan diamalkan oleh segenap lapisan anggota Kerajaan Malaysia. Dan matlamat yang dituju ialah ke arah peningkatan daya pengeluaran serta pengalaman konsep perkhidmatan yang bersih, cekap dan amanah.



Dengan kata lain Kepimpinan Melalui Teladan merupakan suatu dasar yang bertujuan mengubah sikap demi mencapai serta memperkuatkan nilai-nilai baik bagi mempertingkatkan etika kerja dan daya pengeluaran negara. Ianya selaras, seimbang dan berdamping dengan dasar-dasar lain seperti Dasar Pandang Ke Timur, Bersih, Cekap dan Amanah dan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam.

SOGOSHOSHA MALAYSIA

Sogoshosha atau syarikat perdagangan am adalah satu konsep yang diperkenalkan di negara Jepun. Untuk mencapai taraf Sogoshosha, sesebuah syarikat perdagangan mestilah memenuhi tiga ciri penting, iaitu mempunyai rangkaian antarabangsa, mengendalikan barang dagangan yang banyak, serta dapat memainkan peranan utama di bidang perdagangan luar:

Di negara Jepun Sogoshosha merupakan suatu panggilan yang diberikan kepada beberapa syarikat perdagangan am yang terkenal, yang telah dapat mencapai pusingan perniagaan sebanyak US\$20 billion setahun. Adalah tidak dapat dinafikan bahawa peranan yang dimainkan oleh Sogoshosha telah diiktiraf sebagai satu dari sebab-sebab negara berkenaan mencapai kejayaan yang cemerlang di bidang perdagangan luar. Pengalaman negara tersebut telah memberi inspirasi kepada beberapa buah negara membangun termasuk Malaysia, untuk menubuhkan Sogoshosha masing-masing sebagai institusi bagi memajukan eksport. Sogoshosha ini juga akan menjadi alat untuk mendapat maklumat strategik mengenai pasaran-pasaran eksport dan kontrak kerja di luar negeri menerusi rangkaian antarabangsa.

Strategi pelaksanaan konsep Sogoshosha ini dilakukan secara menyeluruh selaras dengan dasar-dasar baru kerajaan, seperti Persyarikatan Malaysia. Malah Sogoshosha adalah dianggap sebagai peringkat permulaan bagi pencapaian matlamat Persyarikatan Malaysia.

Pertimbangan sedang dibuat supaya galakan-galakan cukai dan kewangan diberikan kepada syarikat yang terlibat di bawah konsep Sogoshosha ini:—

- a. Galakan Kredit — diberikan kepada syarikat tempatan yang menghadapi masalah kewangan untuk melaksanakan kegiatan eksport di luar negeri.
- b. Galakan Cukai — misalnya elaun galakan eksport dan lain-lain pengecualian cukai di bawah Akta Pelaburan 1968, Akta Kastam 1977 dan Akta Eksais 1976.
- c. Lain-lain galakan serta khidmat sokongan — misalnya penglibatan Pejabat Perusahaan Perdagangan Malaysia di luar negeri dan sebagainya.

Segala-galanya ini akan diberikan kepada syarikat-syarikat yang berjaya membuktikan keupayaan mereka untuk meningkatkan eksport barang dan juga berjaya mempelbagaikan eksport, terutama ke pasaran bukan tradisional.

Walaupun Sogoshosha Malaysia telah diterima oleh Kerajaan Malaysia sebagai satu dasar atau pendekatan yang baik untuk menambahkan eksport negara, ini bukanlah bermakna pelaksanaannya dapat dilakukan dengan berjaya di dalam tempoh suatu masa yang singkat. Peniaga-peniaga tempatan perlulah mengambil sikap yang positif terhadap dasar ini dan menyokong penubuhannya. Bagi mencapai kejayaan di masa depan, Malaysia terpaksaalah bekerja keras untuk menghadapi cabaran-cabaran dan masalah yang timbul. Dan jika berjaya tentulah perkembangan perindustrian serta ekonomi negara dapat dipertingkatkan.



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Penutup

Dasar Ekonomi Baru bermatlamat untuk mencapai perpaduan dalam negara melalui proses pembasmyian kemiskinan serta penyusunan semula masyarakat, di dalam konteks keselamatan negara yang kukuh. Lantaran itu segala program pembangunan negara dan dasar-dasar Kerajaan semasa yang diperkenalkan adalah dirancang dan dilaksanakan untuk mencapai tujuan-tujuan di atas. Usaha ini memerlukan bukan sahaja usaha yang gigih daripada pihak Kerajaan dan kakitanganannya, malah ianya memerlukan perubahan sikap, tenaga dan pemikiran rakyat dari sektor swasta serta masyarakat Malaysia seluruhnya.

Segala pemikiran, perancangan dan pelaksanaan Dasar Kerajaan Barisan Nasional ini adalah untuk kebaikan dan peninggian taraf ekonomi rakyat jelata. Rakyatlah yang akan dapat menentukan kejayaan segala usaha ini dengan masing-masing menyambut serta memainkan peranan dengan hati yang tulus ikhlas.

Suntingan: Hasmah Ahmad
Bahagian Penerbitan

Rekaletak: Bahagian Pengeluaran Visual

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan. Dicetak oleh Utusan Printcorp Sdn. Bhd. Kuala Lumpur. B.K. 014 (B.M.) Mei '86(P.R.)(250.).





PUSTAKA
PERDANA
LIBRARY



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA